



**Majlis Ugama Islam Singapura**  
**Khutbah Jumaat**  
**12 Ogos 2016 / 9 Zulkaedah 1437H**  
**Mengenali Rahmat Nabi s.a.w.**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا  
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ  
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ  
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita keimanan dan keyakinan mantap sentiasa. Amin!

Saudaraku,

Sekiranya pada minggu lalu khutbah telah membentangkan maksud rahmat Allah yang meliputi segala makhluk, pada hari

ini, marilah kita mengenali sifat dan ciri rahmah pada peribadi Saidina Muhammad s.a.w., dengan menyingkap aspek rahmat yang dibawa baginda buat seluruh alam. Allah s.w.t. berfirman:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا  
عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ  
رَّحِيمٌ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul daripada golongan kamu sendiri, yang menjadi sangat berat kepadanya segala kesusahan yang ditanggung olehmu, beliau menginginkan kebaikan (keimanan dan keselamatan) bagimu, dan dia amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang mukmin”*. [Surah At-Taubah:128]

Saudaraku, ayat yang baru dibacakan sebentar tadi mengabadikan ketulusan cinta dan rahmah Nabi s.a.w. kepada keseluruhan insan. Baginda berharap agar keseluruhan umatnya selamat di dunia mahupun di akhirat. Dalam sebuah hadith terdapat gambaran jelas akan maksud kasih sayang Nabi kepada umatnya. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Hidupku baik untuk kamu, kamu boleh bertanya dan aku boleh berbicara denganmu. Kewafatanku juga baik untuk kamu. Dibentangkan kepadaku amalan-amalanmu. Maka, apa yang aku lihat yang baik (daripada amalan kamu), aku memuji Allah s.w.t. atasnya, dan apa yang aku lihat tidak baik (daripada amalan kamu), aku akan memohon keampunan*

*Allah s.w.t. untuk kamu.”* [Hadith riwayat Al-Bazzar & Al-Haitsami]

Lihatlah betapa hebatnya sifat rahmah Nabi kepada umat. Baginda sering fikir untuk umatnya, mendoakan kesejahteraan semua. Kasih sayang baginda bahkan merangkumi keseluruhan insan.

Saudaraku,

Dalil-dalil yang baru saya kongsikan sebentar tadi, hanya merupakan sebahagian kecil daripada pelbagai dalil yang menunjukkan sifat rahmah dan kasih sayang Nabi s.a.w. Bagi kita yang membaca serta meneliti teks-teks tersebut, setentunya memiliki persoalan, apakah kemanfaatan yang boleh kita raih di sebalik penghayatan sifat rahmah Baginda Muhammad s.a.w.?

Itu tidak lain tidak bukan, bertujuan agar dapat kita menjadikan diri baginda s.a.w. sebagai cerminan diri. Lalu berusaha untuk menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh dan ikutan dalam bersifat rahmah. Bahkan mukmin yang mengaku cintakan Nabi s.a.w., berusaha untuk menuruti sunnah Baginda s.a.w., itu maksud cinta. Nabi bersabda yang bermaksud: *“Barangsiapa yang menghidupkan sunnah ku, itu tandanya dia cinta kepada ku. Dan barangsiapa yang mencintai aku, dia adalah bersama aku esok di syurga Allah s.w.t.”* [Hadith riwayat At-Tirmizi]

Saudaraku,

Baginda telah mengingatkan kita berulang kali tentang pentingnya akhlak mulia dalam pergaulan seharian kita. Antaranya dalam sebuah sabdanya yang bermaksud: *“Bukan daripada golongan kami siapa yang tidak mengasihi yang muda, menghormati yang tua dan mengetahui orang alim di kalangan kami haknya.”* [Hadith riwayat At-Tirmizi]

Sekiranya hadith yang baru dibacakan sebentar tadi menegaskan kepentingan akhlak bersama insan lain, perhatikan pula hadith-hadith lain yang menitikberatkan akhlak mulia bersama ahli keluarga terdekat. Baginda bersabda: *“Sebaik-baik kamu ialah orang yang paling baik dengan keluargamu dan akulah orang yang paling baik di antara kamu terhadap keluargaku.”* [Hadith riwayat At-Tirmizi]

Dalam pergaulan Baginda bersama anak dan isteri, beliau bersifat rahmah dengan selalu bergurau mesra, memberi nasihat dan ringan tulang membantu isteri dan anak di rumah. Jika Nabi yang sibuk dengan pelbagai urusan dan perkara tetap masih boleh membantu para isterinya dalam urusan rumahtangga, kita juga setentunya boleh.

Renungkanlah peribadi baginda Nabi s.a.w. yang sangat indah dan mulia, hingga ramai yang jatuh cinta dengan agama ini kerana akhlaknya yang menawan. Raut wajahnya sentiasa

ceria, perangnya dapat dicontohi dengan mudah, lemah lembut dan peramah.

Para jemaah sekalian,

Dalam kita bersifat rahmah kepada saudara seagama mahupun berlainan agama, satu perkara yang pastinya terlintas di minda kita ketika menyaksikan krisis kehidupan yang pelbagai di serata dunia, kita sering bertanya bagaimanakah kita dapat membantu mereka? Bagaimana kita mampu menyebarkan rasa rahmah ini kepada golongan yang memerlukan.

Saudaraku, pelbagai cara boleh difikirkan untuk kita menyebarkan rahmah ini. Antaranya dengan tanpa putus sering mengingati mereka dalam doa kita serta memberi kesedaran tentang cabaran dan penderitaan mereka. Kita juga boleh memberi bantuan kepada dana badan rasmi yang diakui pemerintah. Seperti dana “rahmatan lil ‘Alamin”, bagi memastikan bahawa sumbangan yang diberi, bakal dimanfaatkan golongan yang benar-benar memerlukan.

Jika kita dapat menjiwai sebahagian besar akhlak Nabi yang mulia dan penuh rahmah ini, insya-Allah hidup ini akan menjadi lebih indah buat kita dan orang-orang sekeliling yang dikasihi. Memang kita ini tidak sehebat Nabi. Namun, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. di atas nikmat kita digolongkan sebagai umat Nabi, maka sebarkan nilai rahmah yang dipaparkan

Baginda s.a.w. semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita  
sekeluarga rahmahNya insyallah. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.